

| | | | |
|-------------|----------------------------------|--------------|------------|
| Headline | Hasil kajian di ISS siap 2 bulan | Language | MALAY |
| Date | 27. Jan 2008 | Page No | 11 |
| Media Title | Berita Minggu | Article Size | 460 cm2 |
| Section | Nasional | Frequency | Daily |
| Circulation | 356414 | Color | Full Color |
| Readership | 1869000 | | |



Hasil kajian di ISS siap 2 bulan

Penyelidikan barah tunjuk perkembangan menggalakkan: Dr Sheikh Muszaphar



TELADAN: Dr Sheikh Muszaphar bergambar dengan pelajar IPTA dan IPTS selepas sesi soal jawab di Kota Bharu, semalam.

KOTA BHARU: Hasil kajian perubatan angkasawan negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha yang dilakukan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) menunjukkan perkembangan menggalakkan, terutama kajian mengenai barah.

Dr Sheikh Muszaphar Shukor berkata, hasil kajian itu dijangka diketahui dalam dua bulan lagi.

Katanya, beliau sudah mengadakan perbincangan dengan saintis tempatan di beberapa universiti termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengenai kajian itu.

"Hasil kajian yang saya jalankan di ISS itu kini menunjukkan hasil me-

“Banyak kajian saya lakukan ketika berada di ISS antaranya, membabitkan dua jenis sel barah iaitu leukemia dan barah hati”

Dr Sheikh Muszaphar Shukor
Angkasawan negara

muaskan dengan beberapa perkembangan yang boleh dibanggakan, terutama membabitkan kajian barah,” katanya kepada pemberita mengenai hasil kajiannya di ISS pada majlis amanat Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Kelantan dan pertemuan dengan angkasawan negara, di sini, semalam.

Lebih 1,500 pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta kolej awam dan swasta di Kelantan hadir pada majlis itu.

Dr Sheikh Muszaphar Shukor berkata, beliau melakukan banyak kajian ketika di ISS itu dan pihak tertentu seharusnya tidak memandang rendah terhadap kajian yang dilakukannya seperti kajian yoyo, gasing dan air.

Katanya, kajian yoyo, gasing dan air itu hanyalah untuk menyuntik inspirasi kepada pelajar, selain menunjukkan kepada mereka antara beberapa jenis kajian dilakukan di situ.

“Sebenarnya, banyak kajian yang saya lakukan ketika berada di ISS antaranya, membabitkan dua jenis sel barah itu iaitu leukemia dan barah hati, selain kajian lain.

“Apa yang membanggakan ialah sel barah tadi menunjukkan percambahan yang cepat. Selain itu, saya turut menjalankan kajian untuk agensi angkasa lepas lain seperti Eropah dan Jepun,” katanya.

Beliau berkata, apa yang penting ialah kejayaan kajian dalam barah dan bakteria, selain mewujudkan jalinan kerjasama dengan agensi angkasa lepas lain.

“Hasil kajian itu bukan saja untuk Malaysia, malah akan dikongsi bersama di seluruh dunia dan mungkin akan dibukukan untuk kebaikan sejagat nanti,” katanya.

Dalam perkembangan lain ketika sesi soal jawab bersama pelajar, Dr Sheikh Muszaphar Shukor berkata, kerjaya dalam bidang angkasawan tidak akan ditinggalkan walaupun sudah berkahwin.

“Angkasawan adalah kerjaya sepanjang hayat saya dan ia tidak akan menjadi penghalang untuk te-

rus menceburi bidang ini walaupun sudah mendirikan rumah tangga.

“Insyallah, saya merancang mengakhiri zaman bujang tahun depan memandangkan kini masih terikat selama dua tahun dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,” katanya.